



Pertandingan Mencipta Reka Hias Beg Kitar Semula Beg Kitar Semula

PENGENALAN

Pertandingan Mereka Bentuk Beg Kitar Semula merupakan satu pertandingan bagi menggalakkan warga Ipoh tidak kira muda ataupun tua bagi menyampaikan kesedaran tentang penggunaan beg plastik di Bandaraya Ipoh.

Reka bentuk beg kitar semula ini boleh dihantar dalam bentuk lakaran visual atau pun lukisan tangan. Tema bagi pertandingan ini adalah “**Mencerminkan Bandaraya Ipoh**”.

Pertandingan ini adalah terbuka kepada kesemua warga Bandaraya Ipoh. Tempoh pertandingan adalah 2 minggu.

Objektif bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

- Memupuk minat dan kreativiti di kalangan warga Bandaraya Ipoh dalam menyampaikan kesedaran dan memupuk semangat cintakan Alam Sekitar melalui media sosial iaitu senjata utama pada era digitalisasi;
- Mencetus keterujaan dikalangan remaja Malaysia terhadap potensi dan peluang dalam industri kandungan kreatif;
- Mendidik warga Bandaraya Ipoh tentang semangat patriotik dan menghargai sumbangan kemerdekaan terhadap kemajuan Negara.

Tempoh Penyertaan : 2 Minggu

Tarikh Mula Penyertaan : 29 April 2024

Tarikh Tutup Penyertaan : 12 Mei 2024

SYARAT PENYERTAAN

A. Maklumat Pertandingan:

1. Pertandingan Mereka Cipta Beg adalah inisiatif dari Majlis Bandaraya Ipoh bagi menggalakkan penggunaan Beg Kitar Semula di pusat beli belah dan premis-premis perniagaan di sekitar Bandaraya Ipoh.
2. Pertandingan ini dibuka dari 29 April 2024 hingga 12 Mei 2024.
3. Tema adalah “**Mencerminkan Bandaraya Ipoh**” dan penggunaan bahasa mestilah menggunakan Bahasa Malaysia.

B. Kelayakan Pertandingan

1. Pertandingan Mereka Bentuk Beg Kitar Semula ini terbuka kepada warga Bandaraya Ipoh sahaja.

C. Terma dan syarat pertandingan

1. Penyertaan adalah secara individu sahaja.
 2. Penyertaan mesti dimuatnaik sebelum 12 tengah malam pada 12 Mei 2024 kepada Majlis Bandaraya Ipoh seperti yang dinyatakan di bawah. Penyertaan yang lewat daripada tarikh tutup tidak akan diterima.
 3. Lakaran visual atau pun lukisan tangan reka bentuk mestilah dihantar dalam format JPEG atau PDF sahaja.
 4. Reka bentuk mestilah rekaan asal pemohon dan tidak pernah menyertai di dalam mana-mana pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
 5. Setiap individu boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
 6. Penyertaan adalah percuma.
 7. Majlis Bandaraya Ipoh berhak menolak penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan.
 8. Kemenangan peserta boleh dibatalkan sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan.
 9. Keputusan Panel Juri adalah muktamad. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
 10. Hakmilik intelek ke atas rekaan tersebut adalah hakmilik peserta. Walau bagaimanapun, MBI berhak membuat salinan, suntingan dan menggunakan rekaan yang dihantar untuk tujuan promosi selepas tamat tempoh pertandingan.
 11. MBI tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan reka bentuk dan oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
- Borang Penyertaan lengkap hendaklah diisi melalui GOOGLE FORM dari pautan berikut:

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeH6-](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeH6-ca6dPspzOPedIY57ScFeKU0hJZYa2FHO-2QJuYhjotfA/viewform?usp=sharing)

[ca6dPspzOPedIY57ScFeKU0hJZYa2FHO-2QJuYhjotfA/viewform?usp=sharing](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeH6-ca6dPspzOPedIY57ScFeKU0hJZYa2FHO-2QJuYhjotfA/viewform?usp=sharing)

HADIAH

- Hadiah tempat pertama : RM1,000 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan
- Hadiah tempat kedua : RM500 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan
- Hadiah tempat ketiga : RM250 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan
-

PERTANYAAN

Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Pelesenan
Pertandingan Mencipta Reka Hias Beg Kitar Semula
Kempen Ipoh Bebas Beg Plastik
Majlis Bandaraya Ipoh
No Telefon : 05 208 3358 / 03 208 3439
Emel : pelesenan@mbi.gov.my
Web : <https://www.mbi.gov.my>